

25 SEP 1998

Ling-Anwar

SERAHKAN ISU ANWAR KEPADA POLIS DAN MAHKAMAH, KATA DR LING

KOTA BAHARU, 25 Sept (Bernama) -- Presiden MCA Datuk Seri Dr Ling Liong Sik menasihati rakyat supaya menyerahkan kepada polis dan mahkamah untuk menyelesaikan isu pemecatan bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim daripada Kabinet dan Umno.

Beliau berkata, adalah tidak betul bagi seseorang itu mencampuri urusan yang beliau bukan pakar seperti mengambil alih tugas polis dan mahkamah dalam menyelesaikan isu Anwar.

"Pendapat saya, itu semua soal peribadi dan lebih baik jangan tuduh menuduh, biarlah polis siasat dan mahkamah tentukan beliau (Anwar) bersalah atau tidak," katanya kepada pemberita selepas melancarkan pameran sekolah bistari bagi sekolah rendah jenis kebangsaan Cina negeri Kelantan di sini, hari ini.

Anwar yang dilucutkan jawatan Kabinet pada 2 Sept lepas dan dipecat dari Umno sehari kemudian telah menghadiri dan berucap pada beberapa perhimpunan haram sehingga ditangkap di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) pada 20 Sept lepas.

Dr Ling yang juga Menteri Pengangkutan berkata, apa yang patut dilakukan rakyat ialah memberi tumpuan untuk membantu kerajaan memulihkan ekonomi negara yang akan memberikan faedah kepada semua orang.

Mengenai kenyataan Perdana Menteri Australia John Howard yang mengkritik Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamd, berhubung isu Anwar, Dr Ling berkata negara luar yang cuba mencampuri urusan dalaman Malaysia adalah tidak bijak.

Adalah tidak wajar bagi negara luar yang tidak melakukan siasatan tetapi mengeluarkan pandangan berhubung pemecatan Anwar.

"Oleh kerana tidak ada siasatan, pandangan itu tidak berasas," katanya.

Sementara itu, Dr Ling berkata MCA sedang melaksanakan kempen menggalakkan pelajar menggunakan komputer bagi meningkatkan pembelajaran.

Beliau berkata, ibu bapa perlu memainkan peranan aktif bagi memastikan anak-anak dapat menguasai teknologi maklumat kerana ia amat berguna pada masa depan.

Sehubungan itu, beliau meminta orang ramai yang mempunyai komputer lama (terpakai) yang tidak digunakan, menyerahkannya kepada MCA untuk diperbaiki dan kemudiannya diedarkan kepada sekolah-sekolah yang memerlukannya.

-- BERNAMA

BD PR